

PERKAHWINAN HINDU DARIPADA MERISIK HINGGA MUHURTAM

Bayangkan sekumpulan belia, yang terdiri daripada pelbagai kaum dan agama, menghadiri majlis perkahwinan rakannya yang beragama Hindu. Mereka pastinya berasa sedikit canggung kerana kurang memahami upacara perkahwinan Hindu. Hal ini disebabkan oleh kurangnya pendedahan dan penjelasan tentang proses perkahwinan kaum India di negara ini.



Pada hakikatnya, perlu difahami bahawa kaum India di negara ini tidak hanya terdiri daripada kelompok majoriti keturunan Tamil. Terdapat juga penduduk keturunan Malayali, Telugu, Punjabi, Chetti Melaka, Gujarati dan Benggali. Walaupun majoritinya beragama Hindu, ada juga kaum India yang beragama Kristian, Islam, Buddha, Sikh, Jain dan Bahai.

Menurut data Pelan Tindakan Masyarakat India Malaysia 2017, kaum India di Malaysia berjumlah sekitar 1.99 juta orang, iaitu tujuh peratus daripada 31 juta penduduk. Kepelbagaian keturunan, bahasa ibunda, agama, mazhab, kedudukan ekonomi, latar pendidikan dan status sosial membuatkan upacara perkahwinan juga berbeza-beza antara satu kelompok dengan kelompok lain.

Pada dasarnya, tidak ada satu adat atau upacara perkahwinan yang standard dalam kalangan kaum India yang beragama Hindu. Walaupun upacara asas tetap berpandukan kitab-kitab Veda, kita dapat menyaksikan kronologi yang berbeza-beza antara satu pasangan dengan pasangan yang lain. Istilah perkahwinan yang lazim digunakan oleh kaum India, khususnya bagi penutur bahasa Tamil, ialah *kalyanam*, *kanya*, *vivaha* dan *thirumanam*.

Dalam budaya kaum India, kehidupan individu dianggap tidak lengkap dan belum sempurna selagi tidak berkahwin dan belum dikurniakan zuriat. Seseorang itu berkahwin bukan hanya demi keperluan peribadi tetapi juga bagi melengkapkan kitaran kehidupan manusia yang dikaitkan dengan *dharma* iaitu kebajikan, *arta* iaitu harta, *kama* iaitu nikmat berkeluarga dan *moksha* iaitu kembali kepada Pencipta.

Secara umumnya, perjalanan menuju ke alam perkahwinan bermula dengan proses merisik, sama seperti yang diamalkan oleh masyarakat Melayu. Mengikut tradisi masyarakat India, tugas merisik diserahkan kepada golongan yang lebih dewasa. Walau bagaimanapun, selari dengan perkembangan zaman, tugas merisik juga dapat dilakukan oleh saudara mara dan sahabat handai, malah bakal pengantin itu sendiri.



Perkahwinan Hindu mempunyai amalan tradisi yang unik.



Sari menjadi pakaian utama bagi pengantin wanita Hindu.

Peringkat seterusnya ialah meminang. Proses ini juga hampir sama seperti yang diamalkan dalam komuniti Melayu. Hal ini tidaklah menghairankan kerana sejarah membuktikan bahawa terdapat asimilasi dan pengaruh budaya India terhadap penduduk di Kepulauan Melayu sejak abad kedua sebelum Masihi. Dalam proses ini, keluarga pihak lelaki akan berkunjung ke rumah pihak wanita untuk meminang secara rasmi. Sebelum itu, kebiasaannya pihak lelaki sudah menyemak *raasi* untuk melihat keserasian antara pasangan. Urusan semakan *raasi* dibuat oleh pakar agama dengan mengambil kira tarikh, masa dan tempat kelahiran pasangan terbabit bagi menentukan *porutham*, iaitu jodoh.


Sesudah kedua-dua pihak berpuas hati dan bersetuju, maka langkah seterusnya ialah pertunangan. Proses ini juga hampir sama dengan amalan dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia. Dalam proses ini, kebanyakan pasangan India terus mendaftarkan perkahwinan mengikut Akta 164 yang diperkenalkan pada tahun 1976. Pendaftaran perkahwinan ini boleh juga diadakan semasa upacara perkahwinan di kuil, tetapi selalunya diawalkan. Hal ini bagi memudahkan untuk membuat permohonan pertukaran tempat kerja bagi wanita yang akan mengikut suami, permohonan pinjaman bank bagi pembelian rumah dan sebagainya. Harus diingatkan bahawa menurut undang-undang Malaysia, tarikh pendaftaran perkahwinan merupakan tarikh perkahwinan rasmi, dan bukannya tarikh perkahwinan yang diadakan di kuil mengikut adat atau agama.



Upacara mengikat *taali* dalam perkahwinan Hindu.

Upacara perkahwinan di kuil atau dewan orang ramai dirujuk sebagai *kalyanam*, atau istilah yang lebih tepat ialah *muhurtam*. Pemilihan dan penetapan tarikh serta masa upacara perkahwinan dilakukan dengan merujuk kepada pakar agama, iaitu sami di kuil. Sami akan merujuk kalendar khas yang dipanggil *panjagam* untuk mencadangkan *muhurta naal*, iaitu tarikh perkahwinan dan *muhurta neeram*, iaitu masa perkahwinan. Tarikh dan masa ini boleh disemak pada kalendar Hindu yang semakin popular dalam kalangan masyarakat Hindu di Malaysia.

Selepas tarikh, masa dan tempat upacara perkahwinan disepakati oleh kedua-dua pihak pengantin, maka kad undangan akan dicetak. Kad undangan tradisional kebiasaannya terdapat gambar dewa dan disapu kunyit pada penjuru. Secara lazimnya, kad ini menggunakan tulisan Tamil dan Inggeris. Pengantin keturunan Telugu dan Malayali memastikan bahasa



Contoh kad undangan perkahwinan Hindu.

ibunda mereka diberikan keutamaan. Secara tradisinya, kad undangan diserahkan sendiri oleh ibu bapa pengantin kepada saudara mara. Walau bagaimanapun, dalam kesibukan zaman moden ini, kebanyakan kad undangan perkahwinan dikirim melalui pos.

Di samping itu, persiapan lain juga dilakukan menjelang tarikh perkahwinan. Selain daripada sari untuk pengantin wanita dan *vesthi* untuk pengantin lelaki, pakaian baharu juga perlu dibeli untuk ibu bapa pengantin. Secara lazimnya, adik perempuan pengantin lelaki akan menjadi pengapit bagi pengantin wanita. Adik lelaki pengantin wanita akan menjadi pengapit bagi pengantin lelaki. Pakaian khas untuk mereka berdua juga perlu disediakan.

Upacara perkahwinan dikendalikan oleh pakar agama yang khusus dalam pengajian agama dan kitab suci Hinduisme. Upacara ini dijalankan dalam bahasa Sanskrit dan mantera yang diambil daripada kitab Veda. Terdapat juga amalan menterjemah mantera kepada bahasa Tamil supaya lebih mudah difahami dan dihayati.

Upacara ini dilakukan di pentas dan kebiasaannya tidak melibatkan tetamu lain. Pengantin lelaki dan wanita menyempurnakan acara memuja dewa dan dijalankan dengan *agni*, iaitu unggun api, sebagai saksi. Walau apa pun fahaman yang diamalkan, penganut Hindu tetap menjadikan *agni* sebagai saksi upacara perkahwinan.

Upacara *paadha pooja*, iaitu memuja tapak kaki, melibatkan pasangan pengantin mencuci kaki ibu bapa masing-masing. Dalam hal ini, mereka tidaklah benar-benar memuja tapak kaki, sebaliknya sebagai simbolik menghargai dan berterima kasih kepada ibu bapa yang melahirkan dan membesarkan mereka.

Seterusnya, upacara *kavyadaanam* merupakan aspek penting dalam majlis perkahwinan masyarakat India Hindu, iaitu bapa pengantin wanita "menyerahkan" anak gadisnya sebagai isteri kepada pengantin lelaki. Sekiranya bapa sudah tiada, maka akan digunakan wakil ahli keluarga yang lain.

Selepas pengantin wanita "diserah" oleh si bapa, barulah upacara mengikat *taali* berlangsung. Upacara ini merujuk kepada *Mangalyam*, seutas tali benang berwarna kuning yang disapu serbuk kunyit, serta loket khas yang dinamakan *taali*. Corak dan bentuk loket ini berbeza-beza bagi keturunan Tamil, Malayali dan Telugu. Loket orang Malayali digelar *ella taali* dan loket orang Telugu digelar *pottu taali*. Dalam kalangan orang Tamil pula, terdapat pelbagai corak mengikut tradisi nenek moyang.

Semasa pengantin lelaki mengikat *taali* ke leher pengantin wanita, mantera khas dibacakan yang memberikan makna, "Semoga kita hidup bersama dan

Upacara perkahwinan di kuil atau dewan orang ramai dirujuk sebagai *kalyanam*, atau istilah yang lebih tepat ialah *muhurtam*.

bahagia selama seratus tahun." Pasangan suami isteri berikrar untuk hidup bersama-sama hingga akhir hayat. Sesudah itu, pengantin lelaki meletakkan *pottu*, iaitu titik merah kumkuma pada dahi pengantin wanita. *Pottu* merah ini menjadi simbol bagi wanita yang sudah bersuami.

Seterusnya, pasangan suami isteri baharu itu menjalani upacara *saptapadi*, iaitu mengambil tujuh langkah sambil melafazkan tujuh janji dengan *agni* menjadi saksi kepada perjanjian itu. Tujuh ikrar pasangan pengantin ini, antaranya termasuklah memastikan tersedia makanan untuk keluarga dan tetamu; menguruskan rumah tangga dengan sempurna; menguruskan wang dan harta dengan bijak; melakukan khidmat dan kebajikan kepada masyarakat, menjaga ternakan, tanaman dan perniagaan keluarga demi kemakmuran ekonomi negara; saling melengkapi dan setia sepanjang hayat; dan menjadi rakan dan sekutu dengan hak sama rata sepanjang hidup.


Sesudah itu, satu set batu giling, atau *ammi kallu*, dibawa ke tempat upacara perkahwinan berlangsung. Si suami memegang, mengangkat dan meletakkan kaki kanan si isteri di atas batu giling. Kemudiannya, si suami menyarung gelang kecil pada jari kaki si isteri. Gelang bersaiz seperti cincin ini diperbuat daripada perak. Dalam tradisi masyarakat India, barangan kemas daripada emas hanya boleh dipakai pada anggota tubuh atas paras pusat. Gelang kecil ini dinamakan *metti* bagi komuniti Tamil, *minji* bagi komuniti Malayalam dan *mettelu* bagi komuniti Telugu.

Seterusnya, sami yang menjalankan upacara perkahwinan mengarahkan si suami menuding jari ke arah langit. Kononnya, dia menunjukkan sepasang bintang yang dinamakan Arunthathi dan Vashista. Hal ini sempena sepasang suami isteri yang hidup penuh setia, seperti diceritakan dalam banyak kisah *purana* Hindu. Secara simboliknya, pasangan suami isteri itu diharap hidup penuh setia dan kasih sayang sepanjang hayat.

Maka itu, selesailah upacara perkahwinan mengikut adat India yang beragama Hindu. Seterusnya, malam



Suami menyarungkan gelang kaki yang dikenali sebagai *metti* pada jari kaki isteri.



Penganut Hindu menjadikan *agni*, iaitu unggun api, sebagai saksi upacara perkahwinan.

perkahwinan yang dinamakan *shanti muhurtam* diatur penuh teliti. Sebagaimana tarikh dan masa yang sesuai bagi perkahwinan dipilih berpandukan kalendar khas, tarikh dan masa yang sesuai bagi *shanti muhurtam* juga ditentukan berpandukan kalendar berkenaan. Langkah ini bagi memastikan pasangan itu memulakan hidup berumah tangga pada waktu yang sesuai dan mampu melahirkan zuriat.

Demikianlah secara ringkas kronologi upacara perkahwinan dalam budaya India-Hindu. Seperti yang dinyatakan sejak awal, penerangan ini adalah secara umum dan tidak menyeluruh. Masyarakat yang menghadiri upacara perkahwinan sahabat atau kenalan kaum India-Hindu daripada keturunan Tamil, Malayali, Telugu, Punjabi dan Chetti Melaka wajar mengambil peluang untuk menambah ilmu dan pemahaman tentang keunikan perkahwinan Hindu.